

**KERTAS PELAPORAN
JAWATANKUASA PEMANDU
TEKNIKAL STATISTIK (JPTS)**

KAJIAN SUMBANGAN SEKTOR INFORMAL KEPADA KDNK

Disediakan oleh:

Bahagian Perangkaan Akaun Negera
Jabatan Perangkaan Malaysia
September 2014

KERTAS CADANGAN DAN PELAPORAN KAJIAN DI BAWAH JAWATANKUASA PEMANDU TEKNIKAL STATISTIK

1. Tajuk Kajian

Kumpulan Kerja Sektor Informal: Kajian Sumbangan Sektor Informal kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

1.1. Teras

Teras 2: Mempertingkatkan penyelidikan dan analisis serta membudayakan inovasi.

1.2. Strategi

Strategi 1: Meningkatkan keupayaan penyelidikan dan analisis.

2. Latar Belakang

2.1. Pengenalan

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) merupakan indikator utama yang sering digunakan dalam mengukur prestasi ekonomi sesebuah negara. Ianya boleh diukur dari tiga perspektif yang berbeza iaitu pengeluaran, perbelanjaan dan pendapatan. Bagi memastikan KDNK yang dikeluarkan adalah *comparable* di peringkat antarabangsa, statistik ini disusun berdasarkan kepada piawaian dan saranan *System of National Accounts* (SNA) 1993 dan 2008 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Sebagai rujukan utama dalam memantau perkembangan ekonomi negara, ketepatan anggaran KDNK diberi penekanan agar sentiasa memberikan gambaran sebenar mengenai struktur dan prestasi ekonomi negara. Walau bagaimanapun, antara isu utama yang sering dibincangkan di peringkat global berkenaan KDNK adalah liputan aktiviti ekonomi yang komprehensif serta cabaran dalam memastikan aktiviti pengeluaran oleh *Non-observed Economy* (NoE) turut diukur dalam KDNK.

Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD) menerusi A Handbook Measuring the Non-Observed Economy, 2002 menyatakan liputan KDNK yang tidak komprehensif akan menyebabkan:

- i. **Kadar pertumbuhan yang bias** - boleh berlaku sekiranya sumbangan *unrecorded economy* agak signifikan dalam pembangunan ekonomi.
- ii. **Maklumat perubahan struktur ekonomi yang tidak tepat** - sekiranya liputan aktiviti ekonomi tidak dibuat secara menyeluruh.
- iii. **Nilai pembolehubah ekonomi seperti KDNK yang tidak tepat** - nilai *unrecorded economy* yang signifikan akan mempengaruhi nilai sebenar KDNK (terutamanya apabila perbandingan data dibuat dengan nilai KDNK. Contohnya, peratus sumbangan nilai dagangan kepada KDNK).
- iv. **Gangguan dari segi konsistensi di antara sistem akaun negara** - sekiranya sebahagian sahaja aktiviti ekonomi yang direkodkan ke dalam sistem akaun negara akan menyebabkan sistem tersebut menjadi tidak konsisten dan seterusnya menyebabkan kesilapan dalam pengimbangan.

Berhubung dengan aktiviti NoE dalam ekonomi, OECD telah mengklasifikasikan NoE kepada empat aktiviti utama iaitu *underground, illegal, informal sector, and undertaken by households for their own final use*. Walau bagaimanapun, bagi kertas ini, fokus kajian adalah khusus bagi mengkaji sumbangan sektor informal kepada KDNK. Pemilihan pengkhususan kajian adalah berasaskan kepada ketersediaan data primer Penyiasatan Sektor Informal yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

2.2. Pernyataan masalah (*Problem statement*)

Secara umumnya, pembangunan ekonomi di Malaysia dijana oleh pelbagai sektor institusi yang terdiri daripada sektor institusi kewangan, bukan kewangan, kerajaan dan isi rumah¹ di mana sebahagian besarnya disokong oleh sektor institusi kewangan dan bukan kewangan. Sektor ini yang meliputi perbadanan swasta dan awam merekodkan sumbangan nilai ditambah kepada KDNK

¹ Berdasarkan kepada Akaun Pengagihan & Penggunaan Pendapatan dan Akaun Modal 2010 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, sektor isi rumah meliputi isi rumah dan institusi bukan untung yang berkhidmat untuk isi rumah (NPISHs).

sebanyak 72.0 peratus pada tahun 2010. Sementara itu, sektor isi rumah merupakan penyumbang kedua terbesar dengan sumbangan 17.0 peratus².

SNA 2008 menyatakan bahawa sebahagian daripada aktiviti sektor isi rumah merupakan aktiviti *households unincorporated enterprises* yang juga dianggap sebagai sektor informal. Secara konsepnya, *unincorporated enterprises* merujuk kepada keseluruhan aktiviti *unincorporated* yang dijalankan oleh isi rumah. Berhubung dengan perkara tersebut juga, *International Labour Organisation* (ILO) mentakrifkan sektor informal sebagai subset kepada *households unincorporated enterprises* di mana definisi³ terperinci bagi sektor informal adalah seperti berikut:

- i. "*The informal sector may be broadly characterized as consisting of units engaged in the production of goods or services with the primary objective of generating employment and incomes to the persons concerned. These units typically operate at a low level of organisation, with little or no division between labour and capital as factors of production and on a small scale.*"
- ii. "*Production units of the informal sector have the characteristic features of household enterprises... Expenditure for production is often indistinguishable from household expenditure. Similarly, capital goods such as buildings or vehicles may be used indistinguishably for business and household purposes*..." 15th ICLS

United Nations (2009) menerusi SNA 2008 di perenggan 25.28 menyatakan: "At the time the 1993 revision of the SNA started, it was assumed that **identifying an informal sector was mainly a problem for developing countries**. However, even by the time that revision was complete, it was obvious that the **problem affected all economies, whatever their state of development**. Within the EU, the need to ensure strict comparability of coverage of the national accounts among member states led to a series of initiatives to ensure the accounts were "exhaustive" (that is, fully comprehensive)".

² Jabatan Perangkaan Malaysia, *Akaun Pengagihan & Penggunaan Pendapatan dan Akaun Modal 2010*, 2014.

³ United Nations, *System of National Accounts 2008*, 2009.

Nazaria et al. (2011) menyatakan andaian kerajaan dan pakar ekonomi mengenai gabungan polisi ekonomi dan sumber akan mengubah ekonomi tradisional kepada ekonomi yang moden dan dinamik. Dalam proses berkenaan dijangka sektor informal akan hilang berikutan daripada perkembangan sektor formal. Walau bagaimanapun, sebaliknya yang berlaku adalah sektor informal didapati semakin berkembang di seluruh negara.

Selain itu, menerusi kajian beliau juga dinyatakan sektor informal akan terus kekal dalam ekonomi dan memberikan sumbangan yang signifikan kepada KDNK. Sektor ini juga dilihat berdaya tahan ketika kemelesetan ekonomi dengan menyediakan peluang pekerjaan dan pendapatan kepada sesetengah penduduk negara.

Merujuk kepada Laporan Penyiasatan Sektor Informal 2010 dan 2011 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan guna tenaga sektor informal dianggarkan seramai 0.95 juta orang pada tahun 2010 iaitu 8.0 peratus daripada jumlah penduduk bekerja pada tahun tersebut manakala pada tahun 2011 pula direkodkan seramai 1.02 juta orang atau 8.4 peratus. Melihat kepada kepentingan sektor informal kepada ekonomi negara serta keperluan liputan KDNK yang menyeluruh mendorong kajian sumbangan sektor informal kepada KDNK dilaksanakan.

Kajian awalan sumbangan sektor informal kepada KDNK oleh Bahagian Perangkaan Akaun Negara telah dilaksanakan pada tahun 2012 bagi tahun rujukan 2009 dan 2010. Berdasarkan kepada hasil kajian tersebut didapati, sumbangan sektor informal kepada KDNK adalah sebanyak 6.6 peratus (2009) dan 6.3 peratus (2010). Kajian dilaksanakan mengikut *Labour Input Method* (LIM) seperti yang disarankan oleh OECD.

Oleh yang demikian, kajian lanjut sumbangan sektor informal kepada KDNK diteruskan bagi mendapatkan anggaran nilai ditambah sektor informal yang lebih *reliable* dengan pengukuhan daripada aspek metodologi dan berasaskan kepada sumber data yang terkini.

3. Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Menganggar nilai ditambah sektor informal mengikut aktiviti ekonomi serta sumbangannya kepada KDNK pada harga semasa bagi tahun 2010 sekali gus menjadi asas kepada penganggaran sektor informal bagi tahun-tahun yang berikutnya; dan
- ii. Menambah baik metodologi penganggaran nilai ditambah sektor informal berdasarkan LIM.

4. Metodologi dan Sumber Data

4.1. Liputan Kajian

Berdasarkan definisi yang telah disaran oleh SNA dan OECD, Jabatan telah menggariskan kriteria pertubuhan sektor informal di Malaysia adalah seperti berikut:

- i. pertubuhan yang tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau mana-mana badan professional, termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- ii. semua atau sekurang-kurangnya satu barang atau perkhidmatan yang dikeluarkan adalah untuk jualan atau transaksi barter;
- iii. saiz pekerja kurang daripada 10 orang dan tidak berdaftar di bawah perundangan yang ditetapkan; dan
- iv. sektor bukan pertanian.

4.2. Sumber Data

Sumber data utama bagi penganggaran nilai ditambah sektor informal adalah data KDNK Kaedah Pengeluaran dan Kaedah Pendapatan pada harga semasa 2010. Pemilihan tahun 2010 sebagai asas kajian adalah berikutan ketersediaan data Banci Ekonomi (BE) 2011 bagi tahun rujukan 2010 yang menyediakan maklumat pertubuhan ekonomi yang komprehensif serta liputan aktiviti ekonomi yang menyeluruh. Antara maklumat utama yang digunakan adalah nilai output,

penggunaan perantaraan, bilangan pekerja dan gaji & upah mengikut kategori pertubuhan iaitu Mikro, Kecil, Sederhana dan Besar.

Penyiasatan Sektor Informal 2010 yang dijalankan oleh Jabatan membekalkan maklumat bilangan guna tenaga sektor informal mengikut aktiviti ekonomi. Selain daripada KDNK, data penyiasatan ini juga merupakan indikator utama dalam penganggaran nilai pengeluaran aktiviti sektor informal. Indikator lain yang turut digunakan adalah data Penyiasatan Tenaga Buruh 2010, Penyiasatan Gaji dan Upah 2010 dan Penyiasatan Pertubuhan Ekonomi Suku Tahunan dan Bulanan bagi tahun 2010.

4.3. Pengkelasan

Pengkelasan aktiviti ekonomi adalah mengikut *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC) 2000 yang dibangunkan berdasarkan *International Standard Industrial Classification* (ISCI) Rev. 3. Aktiviti ekonomi ini kemudiannya diaggregat kepada 5 sektor utama iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan.

4.4. Kaedah Penganggaran

Di peringkat antarabangsa, SNA 2008 menyarankan penganggaran sumbangan sektor informal kepada KDNK boleh dilaksanakan menerusi dua kaedah iaitu pendekatan secara langsung dan tidak langsung. Pendekatan secara langsung adalah menerusi penyiasatan ke atas pertubuhan sektor informal sama ada melalui penyiasatan pertubuhan atau penyiasatan campuran isi rumah-pertubuhan⁴. Sementara itu, bagi pendekatan secara tidak langsung mengikut OECD adalah berdasarkan kepada KDNK Kaedah Pengeluaran yang terbahagi kepada beberapa kaedah iaitu *Supply Based Method* (termasuk *Labour Input Method*), *Demand Based Method*, *Income Based Method* dan *Commodity Flow Method*.

Hasil daripada penelitian kaedah-kaedah tersebut serta mengambil kira ketersediaan sumber data, kajian ini dilaksanakan menggunakan *Labour Input*

⁴ Ramesh Kolli, *Measuring the Informal Economy: Case Study of India*, 2011.

Method. Pembangunan kaedah penganggaran ini berasaskan kepada *A Handbook Measuring the Non-Observed Economy*⁵. OECD juga menyatakan LIM merupakan kaedah yang paling signifikan bagi menganggar sumbangan sektor informal kepada KDNK dari segi penawaran.

Tiga langkah asas kaedah LIM bagi menganggar output dan nilai ditambah sektor informal adalah seperti berikut:

- i. mendapatkan anggaran input buruh (bilangan guna tenaga) mengikut aktiviti ekonomi dan kategori pertubuhan daripada pelbagai sumber data primer seperti penyiasatan pertubuhan ekonomi, penyiasatan tenaga buruh dan penyiasatan sektor informal;
- ii. mendapatkan anggaran output dan nilai ditambah bagi setiap buruh (produktiviti buruh) mengikut aktiviti ekonomi dan kategori pertubuhan; dan
- iii. menggandakan anggaran output dan nilai ditambah per unit buruh untuk mendapatkan nilai output dan nilai ditambah mengikut aktiviti ekonomi.

Secara ringkasnya, penganggaran sektor informal menggunakan kaedah LIM ditunjukkan seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Ringkasan Kaedah Penganggaran LIM

Aktiviti Ekonomi	Sektor					
	Formal			Informal		
	Nilai Ditambah	Bilangan Buruh	Produktiviti Buruh	Bilangan Buruh	Nilai Ditambah	Produktiviti Buruh
	<i>A</i>	<i>b</i>	<i>c=a/b</i>	<i>d</i>	<i>e=dxc</i>	<i>f=c</i>
Pertanian	10	5	2	4	8	2
Perlombongan & Pengkuarian	30	10	3	2	6	3
Pembuatan	60	30	2	5	10	2
Pembinaan	20	20	1	3	3	1
Perkhidmatan	120	20	5	10	50	5

⁵ *A Handbook Measuring the Non-Observed Economy* menyediakan garis panduan bagi penganggaran NoE yang menyeluruh termasuk sektor informal. Walau bagaimanapun, penggunaan kaedah penganggaran disesuaikan dengan struktur ekonomi sesebuah Negara.

Bagi penganggaran sektor informal mengikut kaedah LIM, beberapa elemen perlu diambil kira dalam memastikan hasil penganggaran tepat dan *reliable*. Perincian elemen-elemen⁶ terpilih adalah seperti berikut:

i. Penganggaran input buruh bagi pengeluaran berdasarkan data isi rumah

Data diperoleh daripada penyiasatan tenaga buruh isi rumah, disokong dengan maklumat lain seperti data pentadbiran dan penyertaan buruh. Bagi kajian ini, ia menggunakan data Penyiasatan Sektor Informal dan Penyiasatan Tenaga Buruh bagi mendapatkan bilangan buruh dalam aktiviti ekonomi.

ii. Anggaran input buruh bagi pengeluaran berdasarkan data pertubuhan

Data dikategorikan mengikut aktiviti ekonomi dan saiz pertubuhan dengan terperinci serta disokong dengan data penyiasatan isi rumah. Bagi mendapatkan nilai produktiviti buruh, kajian ini menggunakan data Banci Ekonomi 2011, KDNK Kaedah Pengeluaran dan KDNK Kaedah Pendapatan.

iii. Penyeragaman dalam penganggaran input buruh

Data penyiasatan isi rumah selalunya dalam bentuk guna tenaga manakala data pertubuhan merujuk kepada pekerjaan. Oleh yang demikian, penyalarasaran dibuat bagi kedua-dua data ini agar ia boleh dibandingkan.

iv. Perbandingan data anggaran

Membuat perbandingan data anggaran yang berasaskan kepada pertubuhan dan isi rumah. Pada kebiasaananya, penyiasatan isi rumah akan membekalkan data yang lebih tinggi berikutan liputan yang lebih luas. Walau bagaimanapun, data berasaskan pertubuhan adalah lebih konsisten kerana liputan aktiviti ekonomi yang mengikut saiz pertubuhan.

v. Penganggaran nisbah output dan nilai ditambah per unit buruh

Nisbah output dan nilai ditambah per unit buruh diperlukan di peringkat yang lebih terperinci bagi mendapatkan anggaran yang tepat. Anggaran

⁶ Perincian elemen-elemen kaedah LIM dinyatakan dengan jelas dalam *A Handbook Measuring the Non-Observed Economy*.

nisbah tersebut biasanya diperoleh daripada penyiasatan atau kajian yang khusus. Walau bagaimanapun, sekiranya ia tidak dapat diperoleh, adalah memadai anggaran dibuat berdasarkan kepada data penyiasatan pertubuhan. Selain itu, pelarasan data juga perlu dibuat bagi output yang tidak dilaporkan.

- vi. **Penganggaran sumbangan kepada KDNK sebagai nisbah input buruh**
Langkah terakhir adalah dengan membuat penganggaran output dan nilai ditambah mengikut aktiviti ekonomi dan saiz pertubuhan.

Bagi mendapatkan gambaran produktiviti yang lebih jelas berkenaan sektor informal, kajian ini turut membuat perincian anggaran output per unit buruh dan nilai ditambah per unit buruh (produktiviti buruh) bagi aktiviti ekonomi mengikut saiz pertubuhan yang sama dengan saiz pertubuhan sektor informal iaitu memiliki kurang daripada sepuluh orang pekerja.

4.5. Jadual Pelaksanaan

Bil.	Perkara	Tarikh
1.	Keputusan JPTS bagi membentuk Kumpulan Kerja Teknikal Mengkaji Sektor Informal	2012
2.	Memahami konsep dan kaedah penyusunan sumbangan sektor informal kepada KDNK: <ul style="list-style-type: none"> • Pembacaan • Kajian kes dari negara-negara lain 	Januari 2012 Berterusan
3.	Penyusunan sumbangan sektor informal kepada KDNK menggunakan pendekatan LIM: <ul style="list-style-type: none"> • Nasional • Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) 	Januari hingga April 2012
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Sektor Informal Bil.1/2012: <ul style="list-style-type: none"> • Pembentangan data awalan sumbangan sektor informal kepada KDNK 2009-2010 	27 Ogos 2012
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Sektor Informal Bil.2/2012: <ul style="list-style-type: none"> • Pembentangan Penyiasatan Sektor Informal 	3 Oktober 2012
6.	Perbincangan makmal kerja pembangunan penyusunan data sektor informal	15 Januari 2013

7.	Perbincangan penyusunan data sektor informal	21 Januari 2013
8.	Penyusunan sumbangan Sektor Informal kepada KDNK menggunakan pendekatan LIM-PKS	Disember 2013 Berterusan
9.	Perbincangan penambahbaikan soal selidik Penyiasatan Gunatenaga Sektor Informal	15 Januari 2014
10.	Penyediaan Kertas Kajian JPTS	Julai 2014 hingga Ogos 2014

5. Hasil dan Rumusan

5.1. Hasil/Dapatan Kajian

5.2. Tindakan Penyelesaian